

## Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisis Wakaf Selangor Muamalat

(Banking Model of Corporate Waqf: An Analysis of Wakaf Selangor Muamalat)

Asharaf Mohd Ramli

Abdullaah Jalil

(Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia)

### ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis struktur wakaf korporat di dalam "Wakaf Selangor Muamalat" yang telah dilaksanakan melalui kerjasama di antara Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Kajian ini adalah berbentuk kajian awal yang berdasarkan kepada kajian perpustakaan dan sumber maklumat sekunder. Sejak dilancarkan pada 27 September 2012, data empirikal "Wakaf Muamalat Selangor" masih belum dikeluarkan. BMMB adalah merupakan sebuah institusi kewangan Islam pertama di Malaysia yang bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di dalam mengurus, mengumpul dan melabur dana wakaf di Malaysia. Kerjasama yang dijalankan ini membuka suatu dimensi baru di dalam struktur wakaf korporat di Malaysia, terutamanya model perbankan wakaf korporat. Kertas kerja ini adalah merupakan kajian yang pertama dilakukan terhadap struktur "Wakaf Selangor Muamalat" semenjak ianya dilancarkan. Dapatkan kajian ini diharapkan akan menyemarakkan lagi penglibatan institusi-institusi perbankan di dalam aktiviti-aktiviti wakaf. Hasil-hasil yang diperolehi dapat membantu meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam khususnya di dalam aspek kesihatan dan pendidikan.

Kata kunci: Wakaf; wakaf korporat; Islam; perbankan

### ABSTRACT

This study aims to analyse the structure of the corporate waqf model applied in "Wakaf Selangor Muamalat" which has been jointly established by Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) and Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). The paper is an exploratory study primarily based on library research and secondary information. Since "Waqf Selangor Muamalat" was only launched on September 27, 2012, the empirical data of this instrument is not yet available for analysis. BMMB is the first Malaysian Islamic banking institution which partakes in the accumulating and managing of the waqf fund for investment with the State Religious Council. The latest collaboration offers a new dimension of waqf corporate model in Malaysia, specifically as a banking model of corporate waqf. This is the first study on "Waqf Selangor Muamalat" structure since it was launched. The outcome of this study is expected to stimulate more corporate involvement of the banking sectors in activities related to waqf. The outcomes provide support to increase the socio-economic conditions of Muslims especially in health and education aspects.

Keywords: Waqf; corporate waqf; Islam; banking

### PENDAHULUAN

Perkembangan semasa aktiviti wakaf adalah penglibatan aktif entiti korporat di dalam aspek pengurusan dan pembangunan harta-harta wakaf. Fenomena ini berkait rapat dengan konsep wakaf tunai yang semakin popular dan menjadi medium paling mudah umat Islam melaksanakan aktiviti-aktiviti wakaf dengan menggunakan wang tunai, berlainan dengan kaedah wakaf semasa yang melibatkan tanah dan bangunan (Magda 2009). Kecenderungan syarikat-syarikat korporat melibatkan diri di dalam aspek pengurusan dan pembangunan aset wakaf yang turut dikenali sebagai wakaf korporat secara tidak langsung menunjukkan etika terpuji dunia korporat yang tidak hanya berfokuskan kepada kegiatan yang bersifat keuntungan semata-mata. Kebanyakan syarikat-syarikat terlibat di dalam program-program wakaf yang melibatkan pendidikan, kesihatan dan pengurusan hartaan wakaf. Kegiatan seperti ini adalah sebahagian daripada

tanggungjawab sosial korporat (CSR) entiti korporat. Institusi wakaf dapat mengambil manfaat tentang aspek-aspek tadbir urus terbaik, akauntabiliti dan transparensi dunia korporat di dalam pengurusan dan pentadbiran aset-aset wakaf terutamanya wakaf tunai yang memerlukan pengalaman dan kepakaran tersebut.

Jika ditinjau dari aspek sejarah, institusi-institusi wakaf terutamanya pada zaman kegemilangan Empayar Uthmaniyyah mempunyai peranan yang amat besar di dalam membiayai pembinaan kemudahan-kemudahan awam bagi manfaat masyarakat (Cizakca 2011; Magda 2013). Pelbagai fasiliti awam seperti jalan raya, jambatan, sekolah dan hospital dibentuk oleh dana-dana wakaf tanpa melibatkan peruntukan daripada kerajaan. Ianya juga memberikan peluang pekerjaan kepada golongan muda dan membantu meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam. Kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah telah melemahkan institusi wakaf untuk terus berperanan sebagai agen pembangunan negara. Walaubagaimanapun,

di dalam tempoh tiga dekad yang lalu sehingga kini telah menyaksikan umat Islam di beberapa negara seperti Turki, Pakistan, Kuwait dan Malaysia berusaha mengembalikan semula peranan besar institusi wakaf. Pihak kerajaan dan juga badan-badan swasta di negara terbabit telah terlibat secara langsung di dalam menguruskan dan mentadbir aset-aset wakaf sedia ada dan membangunkan harta-harta baru wakaf.

Di Malaysia, inisiatif untuk membangunkan wakaf korporat telah menjadi satu agenda nasional bagi mempertingkatkan sosio-ekonomi orang Islam. Perdana Menteri sewaktu pembentangan Bajet 2013 telah menggariskan strategi untuk menubuhkan entiti wakaf korporat di peringkat kebangsaan yang akan dipantau oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Di dalam konteks ini, JAWHAR yang telah diberikan mandat untuk menyediakan pelan atas pembangunan wakaf korporat (EPU 2012). Peranan entiti wakaf korporat di dalam membangunkan sejumlah aset wakaf bernilai tinggi kepada orang-orang Islam turut menjadi strategi utama pihak berwajib di dalam aspirasi memperkasakan ekonomi bumiputera sepertimana yang dinyatakan oleh Perdana Menteri sewaktu melancarkan Majlis Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera 2013. Di dalam Fokus Pemeriksaan Ketiga: Memperkuuh Pemilikan Aset Bukan Kewangan Bumiputera, Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) iaitu sebuah agensi di bawah JAWHAR akan diperkemaskan dan dinaiktaraf sebagai sebuah entiti wakaf korporat (Teraju 2013).

Justeru, kajian ini akan memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) sebagai sebuah entiti wakaf korporat yang bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor di dalam penubuhan dan pengurusan Wakaf Selangor Muamalat.

#### PERNYATAAN MASALAH

Aktiviti berwakaf di dalam bentuk harta alih seperti wang tunai yang semakin popular telah menimbulkan isu-isu seperti profesionalisme, akauntabiliti dan transparensi di dalam pengurusan dana aset-aset terbabit. Kajian-kajian lepas yang dilakukan terhadap pengurusan dan pentadbiran aset-aset wakaf samada wakaf tak alih seperti tanah dan juga wakaf alih seperti wakaf tunai telah mengenalpasti permasalan-permasalahan yang dialami oleh pihak-pihak berkuasa. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf di negeri-negeri didapati tidak mempunyai staf yang cukup, terlatih dan berpengalaman di dalam mengurus sejumlah besar aset-aset wakaf (Siti Mashitoh 2006). Selain itu MAIN juga didapati tidak mempunyai data rekod aset wakaf yang sistematik yang menyebabkan terdapatnya kes-kes kehilangan rekod tanah wakaf (Megat & Asiah 2006). Aspek dokumentasi juga telah mengakibatkan terdapat tanah-tanah wakaf yang menjadi rebutan di antara pewaris-pewaris dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) kerana nama pemilik tanah masih belum ditukar walaupun telah diwakafkan dan apabila berlaku kematian, pewaris

menganggap harta tersebut merupakan harta faraid (Wan Abdul Halim 2012).

Wakaf tunai telah diterima sebagai salah satu intrumen wakaf berdasarkan kepada fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia Kali ke-77 pada 10-22 April 2007 yang menyatakan "...berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam..." (e-fatwa 2014). Pengurusan dana wakaf tunai melibatkan beberapa aktiviti seperti pengumpulan dana, penyaluran dana dan pelaburan dana yang memerlukan kepakaran, pengalaman dan tadbir urus terbaik pengurusan dana yang merupakan elemen penting sektor korporat. Maka, inisiatif yang dilakukan oleh BMMB dan PWS di dalam membangunkan Wakaf Selangor Muamalat merintis kerjasama di antara pentadbir harta wakaf dan institusi kewangan Islam. Kerjasama ini akan memupuk dan menerbitkan aspek-aspek positif dunia korporat di dalam pengurusan wakaf yang seterusnya akan menambahkan keyakinan masyarakat terhadap institusi wakaf dan membantu menambahkan lagi dana wakaf untuk kemaslahatan ummah.

Di antara objektif utama kajian ini ialah; pertama, untuk menganalisis struktur pengurusan Wakaf Selangor Muamalat, kedua, membincangkan secara terperinci aspek kewangan dan operasi Wakaf Selangor Muamalat, ketiga, meneliti aspek-aspek Shariah yang terdapat di dalam Wakaf Selangor Muamalat. Kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan dan sumber maklumat sekunder seperti dokumen-dokumen akan dianalisis untuk mencapai ketiga-tiga objektif yang telah digariskan.

#### SOROTAN LITERATUR

Seksyen ini akan membincangkan sorotan literatur yang berkaitan dengan wakaf dari sudut hukum Islam dan perkembangan semasa institusi wakaf di Malaysia serta perkembangan wakaf korporat secara praktikal.

#### KONSEP WAKAF

Wakaf jika ditinjau dari sudut bahasa adalah bermaksud menahan atau menegah. Definisi wakaf menurut hukum syaria' ialah wakaf merupakan suatu bentuk pemberian yang mana fizikal aset terbabit kekal manakala manfaat yang diperolehi daripada aset terbabit disalurkan kepada penerima tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pewakaf. Pengekalan fizikal aset wakaf bermaksud mana-mana harta yang telah diwakafkan tidak boleh diwariskan, dijual beli, dijadikan hadiah, dipajak, disewa atau apa-apa bentuk pemilikan. Penyaluran manfaat harta-harta wakaf pula merujuk kepada pemberian hasil-hasil yang diperolehi daripada aset terbabit kepada penerima yang telah ditetapkan oleh pewakaf tanpa mengharapkan imbuhan kewangan. Justeru, secara teknikalnya wakaf boleh diertikan sebagai suatu bentuk penyerahan harta yang boleh digunakan bagi tujuan tertentu dengan syarat aset tersebut mestilah kekal dan tidak boleh dipindah

milik serta manfaat atau hasil yang diperolehi daripada aset terbabit disalurkan kepada aktiviti-aktiviti kebajikan bagi mendapat keredhaan Allah.

Secara umumnya, wakaf boleh dibahagikan kepada beberapa kategori daripada tiga aspek khusus, iaitu; penerima manfaat wakaf, tujuan wakaf, dan jenis aset wakaf. Merujuk kepada penerima manfaat wakaf, ianya boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu wakaf yang berbentuk kebajikan umum (*waqf khayri*) dan wakaf khusus untuk ahli keluarga (*waqf ahli/dhurri*). Kategori *waqf ahli/dhurri* merujuk kepada manfaat aset wakaf yang hanya diserahkan kepada ahli keluarga dan keturunan pewakaf sahaja. Bagi aspek tujuan wakaf pula boleh dibahagikan kepada dua kategori; wakaf umum atau am (*waqf am*), dan, wakaf khusus (*waqf khass*). Manakala jika ditinjau dari sudut jenis aset-aset wakaf ianya terbahagi kepada dua jenis iaitu aset wakaf alih (*waqf al-manqul*) dan aset wakaf tak alih (*waqf al-aqar*). *Waqf al-manqul* adalah aset-aset wakaf yang boleh dipindahkan dari suatu tempat ke suatu yang lain seperti wang tunai yang merupakan aset wakaf yang amat popular pada masa kini (Abdullaah Jalil & Asharaf Mohd. Ramli 2008). Mazhab Hanafi tidak membenarkan *waqf al-manqul* kecuali dengan tiga syarat berikut; pertama, aset wakaf alih terbabit merupakan sebahagian daripada aset wakaf tak alih, kedua, terdapat dalil-dalil daripada al-Quran dan as-Sunnah yang membenarkannya seperti wakaf pedang dan kuda, ketiga, amalan wakaf tersebut adalah diterima oleh adat setempat (*al-urf*) seperti wakaf buku dan wang tunai. Menurut majoriti ulama', wakaf yang dilakukan mestilah berbentuk selama-lamanya iaitu tidak tertakluk kepada tempoh tertentu. Namun, Mazhab Maliki berpandangan bahawa wakaf boleh dilakukan di dalam tempoh tertentu seperti mewakafkan rumah untuk tempoh setahun kemudian dipulangkan semula kepada pewakaf apabila sampai tempohnya (al-Zuhayli 1997). Amalan pemberian aset-aset oleh pihak pemerintah untuk tujuan kebajikan masyarakat umum seperti penganugerahan tanah-tanah bagi tujuan pembinaan sekolah dan hospital dikenali sebagai *irsad* bukannya wakaf.

Terdapat tiga struktur atau model wakaf seperti aset fizikal wakaf, wakaf tunai dan wakaf korporat (yang dipelopori oleh JCorp) (Hajah Mustafa Mohd. Hanefah et al. 2010). Model aset fizikal wakaf merujuk kepada aset-aset wakaf seperti tanah dan bangunan yang diwakafkan dan aset ini digunakan bagi tujuan kebajikan seperti pembinaan masjid dan sekolah agama. Terdapat juga keadaan di mana aset-aset yang diwakafkan dibangunkan bagi menjana pendapatan seperti tanah yang didirikan bangunan komersil yang kemudiannya disewakan. Hasil sewaan tersebut akan dimasukkan semula ke dalam dana wakaf dan disalurkan kepada penerima-penerima yang layak.

#### PEMBANGUNAN WAKAF DI MALAYSIA

Di Malaysia, segala perkara yang berkaitan dengan harta wakaf menurut perundangan adalah dibawah tadbir

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Jadual Kesembilan (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Ahmad Ibrahim 1997). Selaku pemegang amanah tunggal aset wakaf, MAIN mempunyai kuasa mutlak untuk melantik mana-mana individu dan organisasi sebagai wakilnya di dalam mengurus aset wakaf dan juga menjana harta-harta wakaf bagi mendatangkan pulangan di dalam bentuk sewaan dan dividen. Terdapat tiga negeri iaitu Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan yang mempunyai enakmen khusus berkaitan dengan wakaf; Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999, Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 dan Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005. Sebagai contoh, Enakmen-enakmen ini menerangkan aspek-aspek perundangan wakaf dan kuasa-kuasa yang dimiliki oleh Majlis Agama Islam Negeri di dalam mentadbir aset-aset wakaf.

Transformasi yang berlaku di dalam aspek pengurusan dan pembangunan wakaf di Malaysia di dalam beberapa tahun kebelakangan ini adalah amat menggalakkan. Kerajaan Persekutuan mempelopori inisiatif bagi memperbaiki dan memperkemaskan jentera pentadbiran wakaf melalui penubuhan agensi-agensi di peringkat Persekutuan dan juga peruntukan kewangan bagi membangunkan harta-harta yang terbiar di seluruh negara. Konsep kontemporari wakaf tunai yang amat popular dan dipraktikkan di beberapa negara telah mendorong pihak berkuasa wakaf untuk melancarkan skim wakaf tunai yang membolehkan individu dan organisasi berwakaf dengan kadar yang amat minimum. Penglibatan entiti korporat di dalam hal ehwal urusan wakaf, turut dikenali sebagai wakaf korporat, adalah merupakan suatu lonjakan baru bagi menambahkan minat dan perhatian masyarakat di dalam menceburkan di dalam aktiviti kebajikan seperti wakaf.

Melihat kepada potensi besar yang akan diperolehi di dalam membangunkan harta-harta wakaf yang dianggarkan berjumlah lebih daripada seribu hektar di seluruh negara, kerajaan Persekutuan telah menubuhkan dua agensi iaitu Perbadanan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Di antara peranan kedua-dua agensi tersebut ialah untuk menyusun, menyelaras dan membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di dalam mengurus dan membangunkan harta-harta wakaf di tempat mereka (Hajah Mustafa Mohd. Hanefah et al. 2010). Bagi merealisasikan tujuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM256.5 juta di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan RM1.896 billion di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) untuk membangunkan aset-aset wakaf. JAWHAR dan YWM telah diberikan mandat penuh untuk mewakili Kerajaan Persekutuan di dalam kerjasama dengan MAIN bagi mengenalpasti dan seterusnya membangunkan harta-harta wakaf terbabit (JAWHAR 2012). Maklumat terperinci projek-projek yang telah dilaksanakan adalah seperti yang tertera di dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Projek wakaf RMK9 dan RMK10

Negeri	Projek	Kos (Pembentangan)	Tarikh Siap	Kategori
Kedah	Asrama anak yatim	2.08 juta, RMK-9	30.11.2009	Sosial
Selangor	Kerja-kerja pembangunan tanah komersil	160 ribu, RMK-9	16.12.2009	Ekonomi
Kelantan	Asrama anak yatim	1.5 juta, RMK-9	15.04.2010	Sosial
Sarawak	Pembelian peralatan untuk Kompleks Islam, Kuching	10 juta, RMK-9	31.12.2010	Sosial/komersil
Negeri Sembilan	1. Pusat untuk muallaf 2. Hotel Wakaf and Baitul Hilal	4.5 juta, RMK-9 18 juta, RMK-10	31.12.2010 01.11.2011	Sosial Komersil
Johor	1. Pusat hemodialisis 2. Pusat perlindungan wanita	8 juta, RMK-10 7.5 juta, RMK-10	07.12.2010 31.12.2010	Sosial Sosial
Pulau Pinang	Pembinaan Kompleks Pendidikan Maahad al-Mashoor	41 juta, RMK-10	31.01.2011	Sosial
Perak	1. Rumah kedai 2. Hotel wakaf	4.5 juta, RMK-10 19 juta, RMK-10	31.12.2010 31.12.2011	Sosial/Ekonomi
Melaka	Hotel wakaf	25.6 juta, RMK-10	25.08.2011	Ekonomi
Terengganu	Hotel Wakaf	41.7 juta, RMK-10	8 April 2013	Ekonomi

Sumber: JAWHAR

Sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 1 di atas, harta-harta-harta wakaf telah dibangunkan bagi pelbagai tujuan yang bersifat sosial dan komersil, seperti pembinaan hotel wakaf dan asrama anak yatim. Ini telah menunjukkan bahawa terdapat perubahan positif di dalam pembangunan aset-aset wakaf yang secara tradisinya tertumpu kepada pembinaan masjid, sekolah agama dan kubur sahaja. Potensi penjanaan wakaf melalui pembinaan hartanah yang bersifat komersil yang kemudian disewa dan hasilnya dimasukkan semula ke dalam dana wakaf adalah merupakan langkah yang amat sesuai. Namun, perhatian perlulah diberi kepada aspek laporan kewangan bagi memastikan segala transaksi yang dilakukan mematuhi tadbir urus terbaik dan mengelakkan kemungkinan terdapatnya penyelewengan dan pembaziran dana wakaf.

#### KONSEP WAKAF KORPORAT

Wakaf korporat merujuk kepada suatu aspek pengurusan harta-harta wakaf yang berbentuk harta alih seperti wang tunai, saham syarikat dan dividen saham yang diurus tadbir secara penuh oleh entiti korporat ataupun secara kerjasama di antara syarikat korporat dan pihak berkuasa wakaf (Magda 2013). Di antara elemen penting bagi struktur wakaf korporat adalah aset wakaf adalah di dalam bentuk harta alih, manakala pemegang amanah wakaf iaitu syarikat korporat adalah merupakan *mutawwali* dan juga penerima harta wakaf (Asharaf & Abdullah 2013).

Terminologi wakaf korporat pertama kali digunakan oleh pihak Johor Corporation (JCorp) yang melancarkan wakaf korporat pada tahun 2006 dengan mewakafkan saham miliknya yang bernilai RM200 juta di dalam anak syarikatnya iaitu Kulim (M) Berhad, KPJ Healthcare Berhad dan Johor Land Berhad (JCorp 2006; Muhammad Ali Hashim 2011). Wakaf An-Nur Corporation (WANCorp)

iaitu anak syarikat JCorp telah dipertanggungjawabkan mengurus wakaf korporat yang memberikan fokus kepada aspek kesihatan melalui rangkaian Klinik Wakaf An-Nur dan Hospital Wakaf An-Nur (Asharaf & Abdullah 2012; Hajah Mustafa et.al 2009). Pesakit-pesakit yang mendapatkan rawatan di klinik dan hospital berkenaan dikenakan caj yang minima iaitu Ringgit Malaysia Lima (RM5) sahaja dan pesakit-pesakit terdiri daripada yang beragama Islam dan lain-lain.

Terdapat syarikat-syarikat korporat di beberapa negara yang telah melibatkan diri di dalam pengurusan harta wakaf terutamanya yang melibatkan sektor pendidikan dan kesihatan. Dua konglomerat terkemuka di Turki umpsamanya seperti Koc Holdings yang memiliki sekitar 500 anak syarikat melalui Koc Foundation dan Sabanci Holdings melalui Sabanci Foundation telah terlibat secara langsung di dalam membiayai penubuhan universiti dan sekolah wakaf (Cizakca 2011). Manakala di Pakistan Hamdard Laboratories iaitu sebuah syarikat berkaitan farmaseutikal telah menubuhkan Hamdard Foundation yang bertujuan untuk menguruskan dan menyalurkan dana wakaf kepada penerima-penerima yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan orang miskin (Hamdard Foundation 2013). Jika diteliti, ketiga-tiga entiti korporat di atas telah menubuhkan Yayasan Amanah mereka sendiri bagi mengurus dan mentadbir aset-aset wakaf mereka.

Di Bangladesh, sebuah institusi perbankan iaitu Social Investment Bank of Bangladesh (SIBL) bermula pada tahun 1995 telah memperkenalkan skim pembentangan mikro yang berdasarkan wakaf. Skim yang dikenali sebagai “*cash waqf certificate*” memberi peluang kepada individu dan organisasi untuk berwakaf secara tunai dan sejumlah wang yang dikumpulkan akan diagihkan kepada individu-individu yang layak untuk memulakan perniagaan kecil sederhana (PKS) (Mannan 1999). Pembentangan mikro berdasarkan wakaf tunai yang dilaksanakan oleh SIBL telah

membantu usahawan-usahawan Islam di Bangladesh memulakan perniagaan mereka.

Selain aspek pendidikan dan kesihatan, entiti korporat di Malaysia seperti Tabung Haji Properties (TH Properties) dan UDA Holdings pula bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri selaku pemegang amanah tunggal wakaf di negeri-negeri di dalam membangunkan dan menguruskan harta tanah-harta tanah wakaf. TH Properties telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk menguruskan Menara Bank Islam yang merupakan aset wakaf yang telah dibangunkan dan disewa kepada Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 2011 (Bank Islam 2011). UDA Holdings pula telah terbabit secara langsung dengan pembangunan harta wakaf di negeri Pulau Pinang iaitu yang dikenali sebagai Wakaf Seete Aisyah. Melalui perjanjian dengan Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), UDA Holdings telah diamanahkan untuk membangunkan tanah wakaf tersebut dan ianya telah berjaya dilaksanakan dan diserahkan semula kepada MAIPP pada tahun 2012. Namun, melihat kepada peranan entiti korporat terbabit yang hanya bertindak sebagai pemaju dan pengurus harta tanah wakaf maka ianya tidaklah termasuk di dalam konsep wakaf korporat.

Pada September 2012 buat julung-julung kalinya sebuah syarikat kewangan Islam iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) memperkenalkan skim wakaf tunai yang dikenali sebagai Wakaf Selangor Muamalat. Melalui kerjasama ini, BMMB dan PWS adalah merupakan pengurus bersama aset wakaf yang diperolehi melalui pembelian sijil wakaf tunai yang boleh dilakukan di mana-mana cawangan BMMB. Selain itu sumbangan wakaf boleh juga dilakukan melalui perbankan internet, potongan bulanan dan arahan bayaran berkala (BBMB 2012).

Perlu juga ditegaskan bahawa penglibatan sektor korporat di dalam pengurusan dan pentadbiran wakaf akan dapat membantu memperbaiki imej dan persepsi masyarakat terhadap institusi wakaf yang dianggap tidak mempunyai tadbir urus yang cekap di dalam pengurusan aset-aset wakaf. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf di negeri-negeri didapati tidak mempunyai staf yang cukup, terlatih dan berpengalaman di dalam mengurus sejumlah besar aset wakaf (Siti Mashitoh 2006). Selain itu MAIN juga didapati tidak mempunyai data rekod aset wakaf yang sistematis yang menyebabkan terdapat kes-kes kehilangan rekod tanah wakaf (Megat & Asiah 2006). Aspek dokumentasi juga telah mengakibatkan terdapat tanah-tanah wakaf yang menjadi rebutan di antara pewaris-pewaris dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) kerana nama pemilik tanah masih belum ditukar walaupun telah diwakafkan dan apabila berlaku kematian, pewaris menganggap harta tanah tersebut merupakan harta faraid (Wan Abdul Halim 2012).

Perbincangan di atas telah menunjukkan bahawa wakaf korporat iaitu aset-aset wakaf yang diurus dan

ditadbir oleh entiti korporat semakin mendapat sambutan daripada syarikat-syarikat korporat. Kertas ini akan membincangkan secara terperinci struktur Wakaf Selangor Muamalat yang merupakan skim wakaf korporat yang terbaru dan merupakan yang pertama melibatkan sebuah institusi kewangan Islam di Malaysia. Struktur pengurusan dan pentadbiran Wakaf Selangor Muamalat yang terdiri daripada tiga tahap iaitu tahap pertama; governan, tahap kedua; pengurusan dana, dan, tahap ketiga; penyaluran dan pelaburan dana, akan dibincang secara mendalam. Selain itu, aspek-aspek shariah yang terkandung di dalam Wakaf Selangor Muamalat akan turut diperjelaskan.

#### ANALISIS WAKAF SELANGOR MUAMALAT

Wakaf Selangor Muamalat adalah merupakan wakaf korporat pertama di Malaysia yang melibatkan kerjasama di antara institusi wakaf milik kerajaan negeri iaitu Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan sebuah bank komersil Islam, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Justeru, kerjasama yang terjalin di antara kedua-dua institusi terbabit yang sememangnya mempunyai latar belakang yang berbeza di dalam membangunkan aset wakaf melalui strategi wakaf korporat amatlah menarik untuk dikaji. Perbincangan selanjutnya akan berkisar kepada analisis Wakaf Selangor Muamalat yang terdiri daripada tiga aspek utama iaitu governan, struktur kewangan dan pertimbangan Shariah (*takyif fiqhi*).


#### STRUKTUR GOVERNAN

PWS dan BMMB telah bersetuju untuk menubuhkan jawatankuasa bersama untuk mengurus operasi Wakaf Selangor Muamalat iaitu yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). JPB terdiri daripada beberapa jawatankuasa seperti:

1. Jawatankuasa Penasihat dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
2. Seorang Pengerusi
3. Seorang Setiausaha, dan
4. Sekretariat Bersama yang terdiri daripada 6 orang ahli iaitu 3 orang ahli daripada BMMB dan 3 lagi ahli daripada PWS.

JPB bertanggungjawab menyalurkan dana wakaf yang dikumpulkan bagi menjalankan projek-projek wakaf, membantu golongan penerima manfaat wakaf khususnya di dalam aspek pendidikan dan kesihatan, dan melaburkan sebahagian daripada hasil wakaf.


Penglibatan pihak MAIS selaku pemegang amanah tunggal aset wakaf di Selangor dan BMMB sebagai sebuah institusi kewangan akan mewujudkan pengurusan dana wakaf yang sistematis dan teratur. Etika, profesionalisme serta imej terpuji institusi kewangan yang dimiliki BMMB akan membantu menambahkan keyakinan pewakaf-pewakaf di dalam menyumbang dana mereka.



#### STRUKTUR KEWANGAN DAN OPERASI

Di dalam seksyen ini, penulis akan menganalisis struktur kewangan dan operasi Wakaf Selangor Muamalat. Struktur

tersebut diilustrasikan seperti yang terdapat di dalam Rajah 2 di bawah:



RAJAH 2. Struktur kewangan dan operasi wakaf Selangor Muamalat

Dana wakaf diperolehi daripada sumbangan individu dan juga institusi yang boleh mendepositkan wang tunai sebagai aset wakaf di mana-mana kaunter Bank Mumalat seluruh negara. Sumbangan minima bagi individu berjumlah RM10 manakala bagi institusi pula

berjumlah RM100 dan tiada jumlah had maksima yang ditetapkan. Pihak pengurusan dana wakaf ini berharap untuk mengumpulkan sejumlah RM50 juta dalam tempoh tiga tahun dan inisiatif ini dimulakan dengan sumbangan wakaf daripada Bank Muamalat berjumlah RM1 juta dan

kakitangannya yang berjumlah RM74,040 sewaktu majlis pelancaran Wakaf Selangor Muamalat (BBMB 2012). Dana wakaf yang dikumpulkan akan disalurkan oleh JPB kepada penerima-penerima daripada tiga sektor utama seperti di bawah:


1. Pendidikan – contohnya pembinaan bangunan sekolah, pembelian peralatan pendidikan dan sebagainya.
2. Kesihatan – seperti pembelian mesin dialisis, peralatan perubatan dan rawatan.
3. Pelaburan dana wakaf yang akan diuruskan oleh Muamalat Invest Sdn. Bhd.

Muamalat Invest Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat BBMB adalah sebuah syarikat pengurusan modal yang membuat pelaburan secara profesional di dalam instrumen-instrumen pasaran patuh Shariah bagi menghasilkan keuntungan. Sejumlah 25 peratus daripada hasil pelaburan akan dibahagikan semula kepada PWS dan 75 peratus selebihnya akan diserahkan kepada JPS

untuk dibahagikan semula kepada sektor-sektor yang bersesuaian. Dua sektor utama yang menerima manfaat Wakaf Selangor Muamalat ialah kesihatan dan pendidikan, khususnya bagi golongan yang kurang berkemampuan samada Muslim atau bukan Islam. Jika ditinjau di dalam sejarah Islam, kedua-dua sektor ini adalah merupakan penerima utama manfaat wakaf. Murat Cizakca (2011) berpendangan bahawa penyaluran manfaat wakaf kepada orang-orang awam yang kurang berkemampuan akan dapat membantu meringankan beban kos hidup yang ditanggung mereka dan dapat membantu meringankan beban kewangan pihak kerajaan.

#### ASPEK-ASPEK PERTIMBANGAN SHARIAH DI DALAM WAKAF SELANGOR MUAMALAT

Di dalam tajuk kecil ini, penulis akan menerangkan aspek-aspek Shariah yang telah dilaksanakan di dalam penstrukturkan Wakaf Selangor Muamalat berpandukan kepada modus operandi instrumen ini seperti yang dipaparkan di dalam Rajah 3 di bawah:



RAJAH 3. Aspek-aspek pertimbangan Shariah Wakaf Selangor Muamalat

Wakaf Selangor Muamalat adalah merupakan suatu bentuk wakaf tunai yang diurus secara bersama di antara wakil-wakil daripada pihak entiti korporat dan juga pihak berkuasa wakaf negeri. Instrumen wakaf ini juga dianggap sebagai wakaf korporat mengambil kira ianya diperkenalkan dan diurus oleh badan korporat iaitu BMMB dan cabang pelaburan yang dimilikinya iaitu Muamalat Invest Sdn. Bhd. Skim wakaf ini terbuka kepada pewakaf-pewakaf yang terdiri daripada individu dan juga institusi. JPB telah diberikuasa selaku pengurus dana wakaf (*mutawalli*) dan bertanggungjawab untuk menguruskan dana dan menyalurkan hasil-hasil wakaf yang diperolehi kepada penerima. MISB pula diberi mandat untuk menjalankan aktiviti pelaburan dana wakaf berpandukan konsep wakalah (*wakalah bi al-istithmar*) dengan tidak mengenakan sebarang bayaran. Merujuk kepada tujuan wakaf iaitu untuk disalurkan kepada sektor pendidikan

dan kesihatan, maka ianya adalah dikategorikan sebagai wakaf untuk kebajikan (*wakaf khairi*).

Merujuk kepada tujuan wakaf ini iaitu dikhususkan bagi tujuan kesihatan dan pendidikan, maka jelas ia adalah termasuk di dalam kategori wakaf khairi bukannya wakaf dhurri. Penerima utama manfaat wakaf adalah golongan yang kurang berkemampuan di dalam dua sektor; kesihatan dan pendidikan. Penerima ketiga manfaat wakaf adalah pihak PWS. Walaubagaimanapun PWS hanya akan menerima 25 peratus daripada keuntungan pelaburan wakaf manakala 75 peratus selebihnya akan diserahkan kepada JPB bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang akan ditentukan kemudian. Justeru, melihat kepada penerima manfaat konsep wakaf ini ianya termasuk di dalam kategori wakaf am lantaran tidak dinyatakan secara spesifik mana-mana individu sebagai penerima. Walaupun begitu telah dinyatakan secara spesifik (*khass*) sebuah

institusi iaitu PWS yang akan menerima 25 peratus manfaat pelaburan aset wakaf. Maka, secara jelasnya penerima manfaat Wakaf Selangor Muamalat adalah kombinasi penerima yang bersifat umum dan khusus. Perlu juga dinyatakan bahawa dana wakaf yang diwujudkan adalah bersifat kekal dan hanya hasil wakaf yang disalurkan kepada penerima. Ringkasan perbincangan aspek-aspek Shariah yang terdapat di dalam Wakaf Selangor Muamalat terdapat di Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2. Aspek-aspek shariah Wakaf Selangor Muamalat

No.	Subjek	Pertimbangan Shariah
1	Aset Wakaf	Tunai
2	Tujuan Wakaf	Kebajikan ( <i>Khairi</i> )
3	Penerima Manfaat Wakaf	Umum ('Amm) and Khusus ( <i>Khass</i> ): Golongan yang kurang berkemampuan di dalam sektor kesihatan, pendidikan dan juga PWS
4	Pewakaf (Waqif)	Individu and Institusi
5	Nazir/ Mutawalli	JPB
6	Pengurusan	Korporat
7	Kontrak Pelaburan	<i>Wakalah bi al-istithmar</i>
8	Tempoh	Kekal

## KESIMPULAN

Wakaf Selangor Muamalat adalah merupakan suatu model wakaf korporat yang melibatkan penyertaan badan korporat di dalam pengurusan dan pembuat keputusan. Kedua-dua pihak BMMB and MISB telah dilantik sebagai bank dan pengurus dana bagi tujuan pengumpulan dan pelaburan dana wakaf. Wakaf Selangor Muamalat jika dilihat dari sudut tujuan termasuk di dalam kategori wakaf khairi, manakala dari perspektif pengurusan pula ia dikategorikan sebagai wakaf korporat dan sekiranya ditinjau dari segi penerima manfaat adalah merupakan kombinasi wakaf umum ('amm) dan wakaf khusus (*khass*). Penerima manfaat wakaf juga boleh terdiri daripada dua golongan iaitu penerima secara langsung dan penerima secara tidak langsung. Golongan yang tidak berkemampuan terutamanya di dalam aspek kesihatan dan pendidikan adalah merupakan penerima manfaat wakaf secara langsung manakala PWS pula merupakan penerima tidak langsung manfaat wakaf.

## PENGAKUAN

Kajian ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang bertajuk "Pembentukan Model Baru Wakaf Korporat di Malaysia." Penyelidikan ini mendapat pembiayaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Kod Penyelidikan (FRGS/1/2012/SS07/USIM/03/1).

## RUJUKAN

- Abdullaah Jalil & Asharaf Mohd. Ramli. 2008. Waqf instruments for construction contract: An analysis of structure. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)* 5: 14.
- Ahmad Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil. 2013. *Funding Higher Education in Malaysia: Corporate Waqf Model, Waqf Workshop: Contemporary Role of Higher Education*. Alor Star: Al-Bukhari International University.
- al-Zuhayli W. 1997. *Al-Fiqh Al-Islamiyy Wa Adillatuh*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). 2011. *Laporan Tahunan 2011 BIMB*. Kuala Lumpur: Bank Islam
- Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). 2012. Wakaf Selangor Muamalat: Esok masih ada. Diakses dari <http://www.muamalat.com.my>.
- Cizakea M. 2011. *Islamic Capitalism and Finance: Origins, Evolution and the Future*. Glos: Edward Elgar.
- EPU. 2012. Bajet 2013. Diakses dari <http://www.epu.gov.my>
- Hajah Mustafa Mohd. Hanefah, Abdullaah Jalil, Asharaf Mohd. Ramli, Hisham Sabri, Norhaziah Nawai & Syahidawati Shahwan. 2010. Waqf models in Iskandar Malaysia: An analysis. *4th Islamic Banking, Accounting and Finance Seminar*. Gombak: International Islamic University Malaysia.
- Hajah Mustafa Mohd. Hanefah, Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, Hisham Sabri, Norhaziah Nawai & Syahidawati Shahwan. 2009. Financing the development of waqf property: The experience of Malaysia and Singapore. *International Conference on Waqf Laws & Management*. Gombak: International Islamic University Malaysia.
- Hamdard Foundation. 2013. *History*. Diakses dari <http://www.hamdardfoundation.org>.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2012. *Pelan Strategik JAWHAR 2012*. Kuala Lumpur: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Johor Corporation. 2006. *Waqaf Korporat Untuk Jihad Bisnes*, Johor Bahru: JC Corp
- Magda Ismail Abdel Mohsin. 2013. Corporate waqf and its role in the different societies. *The 2nd International Conference on Islamic Economics and Economies of the OIC Countries (ICIE 2013)* Kuala Lumpur.
- Magda Ismail Abdel Mohsin. 2009. *Cash Waqf: A New Financial Product*. Petaling Jaya: Prentic Hall – Pearson.
- Mannan MA. 1999. Cash-waqf certificate global opportunities for developing the social capital market in 21st-century voluntary-sector banking. *The Third Harvard University Forum on Islamic Finance: Local Challenges, Global Opportunities*. Cambridge, Massachusetts: Center for Middle Eastern Studies, Harvard University, 243-256.
- Megat Mohd. Ghazali Megat Abd. Rahman & Asiah Othman. 2006. *Pembangunan Tanah Wakaf: Isu, Prospek dan Strategi, Konvensyen Baitulmal Kebangsaan*. Kuala Lumpur: JAWHAR.
- Muhammad Ali Hashim. 2011. *Khalifah Ganti Superman*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions.
- Siti Mashitoh Mahamood. 2006. *Waqf in Malaysia: Legal and Administrative Perspectives*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Hamdard Foundation. 2013. *History*. Diakses dari <http://www.hamdardfoundation.org>.

- Teraju. 2013. Ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia sewaktu Majlis Memperkasa Ekonomi Bumiputera. Diakses dari <http://www.teraju.edu.my>.
- Wan Abdul Halim W Harun. 2012. *Pengurusan Tanah Wakaf Dalam Urusan Harta Pusaka Kecil*. Kuala Lumpur: Seminar Transformasi Peletakhakkan Tanah Wakaf, Jawhar.

Asharaf Mohd Ramli (penulis koresponden)  
Fakulti Ekonomi dan Muamalat  
Universiti Sains Islam Malaysia  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.  
E-Mel: asharaf@usim.edu.my

Abdullaah Jalil  
Fakulti Ekonomi dan Muamalat  
Universiti Sains Islam Malaysia  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.  
E-Mel: abdullaah@usim.edu.my

